

14/11/1998

## Liberalisasi tidak terkawal lemahkan ekonomi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) bahawa liberalisasi yang tidak dikawal boleh melemahkan lagi ekonomi yang sudah terjejas oleh krisis kewangan serantau.

Bagi mengelakkan kejadian seumpama itu, beliau berkata, anggota forum itu harus dibenarkan membuka pasaran bagi produk yang berasaskan keupayaan domestik dan tahap kemajuan ekonomi masing-masing.

"Keupayaan yang berbeza-beza di kalangan negara anggota mesti diiktiraf. Ekonomi yang lemah tidak boleh diminta menanggung tahap komitmen yang sama dalam meliberalisasi pasaran dengan ekonomi yang lebih kuat," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Festival Perdagangan Antarabangsa Apec Ketiga di Seri Kembangan, hari ini.

Menurut Dr Mahathir, liberalisasi yang tidak dikawal akhirnya akan melemahkan lagi ekonomi yang sedia lemah dan membuahkan hasil yang sama sekali berlawanan dengan apa yang diharapkan.

Apabila ini berlaku, katanya, tidak ada pihak yang mendapat keuntungan.

Turut hadir Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Festival yang bertema 'Meningkatkan Daya Saing Global Menerusi Pembangunan Teknologi dan Sumber Manusia' itu diadakan di Pusat Pameran Antarabangsa Mines, sempena sidang kemuncak pemimpin Apec di sini.

Perdana Menteri berkata, sudah muncul tindakan di kalangan negara pasaran eksport yang menjejaskan usaha negara Asia untuk memulihkan ekonominya dengan mengenakan langkah perlindungan seperti tindakan antilambakan yang menghalang kemasukan produk dari negara yang mengalami kegawatan.

Katanya, dalam keadaan ekonomi semasa, negara yang mengalami kegawatan berusaha mempertingkatkan eksport bagi mempercepatkan pemulihan ekonomi dan adalah penting pasaran eksport terus dibuka.

"Bagaimanapun, nampaknya ada arah aliran ketara ke arah perlindungan apabila industri tempatan yang tidak lagi berdaya asing melobi atau mahukan pelbagai langkah perlindungan bukan tarif dikenakan," katanya.

Ini termasuk semakin banyak tindakan antilambakan, langkah memperkenalkan duti timbal balas (cukai yang dikenakan ke atas barang yang dibawa masuk untuk mengganti rugi cukai yang dikenakan ke atas barang tempatan) dan perlindungan tradisional menghalang eksport dari Asia.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menggesa ekonomi yang lebih maju dalam Apec menyokong usaha peningkatan eksport oleh negara yang terjejas kegawatan.

Apec yang dianggotai 18 negara Asia Pasifik, termasuk Malaysia akan mengadakan sidang kemuncak pemimpinnya di sini mulai Selasa depan. Sebelum sidang kemucak itu, mesyuarat peringkat pegawai kanan dan peringkat menteri diadakan mulai Khamis hingga Ahad ini di hotel Palace of the Golden Horses di sini.

Dr Mahathir berkata, Apec perlu memperkukuhkan keupayaan untuk bertindak balas dan melaksanakan mekanisme bagi menangani sebarang bentuk kecemasan termasuk bencana alam.

Beliau berkata, dianggarkan lebih 200,000 nyawa terkorban dan lebih AS\$5 bilion kerugian dialami akibat bencana alam di rantau Asia Pasifik sejak 1990.

Malaysia sendiri, tegas Perdana Menteri, mengalami kerugian dalam sektor

pelancongan dan ancaman kesihatan akibat bencana jerebu yang berpunca daripada kebakaran hutan tahun lalu.

"Tahun ini kejadian banjir di Peru, Papua New Guinea dan China serta ribut di Filipina, Taiwan dan Amerika Syarikat turut menjejaskan ekonomi negara berkenaan.

"Oleh itu, Apec harus memperkukuhkan keupayaannya untuk membantu negara berkenaan menghadapi kecemasan," katanya.

(END)